

UUM ONLINE: Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak berharap semua kakitangan universiti ini terutama staf sokongan lebih menyedari bahawa insurans untuk keluarga yang diperkenalkan oleh Pihak Pengurusan universiti ini amat penting untuk masa depan serta kesihatan ahli keluarga mereka.

"Saya kecewa terhadap sambutan yang ditunjukkan oleh kakitangan sokongan dalam mengambil peluang terhadap insurans yang diperkenalkan ini dalam membantu ahli keluarga masing-masing.

"Sehingga kini hanya 20% kakitangan yang diperlukan telah memberi maklum balas untuk mengambil insurans ini" ujar beliau ketika berucap pada sempena Majlis Pelancaran Zakat Fitrah peringkat UUM, semalam.

Beliau juga berkata skim takaful insurans untuk keluarga ini turut memberi perlindungan kepada keluarga yang mempunyai Orang Kurang Upaya (OKU) dan memberi perlindungan kepada penyakit sediaada serta perlindungan kepada penyakit yang kritikal.

Dr Mohamed Mustafa Ishak menaruh kepercayaan terhadap Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas (PERPATI), Kesatuan Kakitangan UUM (KESKA) dan Ketua Pusat Tanggungjawab untuk menjelaskan mengenai kepentingan skim ini kepada seluruh kakitangan sokongan universiti ini setelah beliau berusaha untuk mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah Universiti (LPU).

"Saya berharap kakitangan sokongan memikirkan soal ini sebaik mungkin dan membuat pilihan bijak demi kebaikan dan masa depan diri sendiri serta keluarga masing-masing" ujar beliau lagi.

=====

DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my